

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI : MAJLIS
PERJUMPAAN WARGA KEMENTERIAN KEWANGAN & AGENSI
BERSAMA YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM, PERDANA
MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : DEWAN UTAMA KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN

Date : 26/09/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

MAJLIS PERJUMPAAN WARGA KEMENTERIAN KEWANGAN &

AGENSI BERSAMA YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM,

PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN

26 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT) | 8.00 PAGI

DEWAN UTAMA

KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah rabbil 'alamin,

Nahmaduhu wa nusalli 'ala Rasoolihil Kareem,

Wa 'ala alihi waasahbihi ajma'in.

Saudari YB Puan Lim Hui Ying,

Timbalan Menteri Kewangan;

Saudara YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican,

Ketua Setiausaha Perbendaharaan; dan

Rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Alhamdulillah, semoga semuanya sihat dan tenang. Kita baru mengumumkan tentang penurunan kadar harga RON 95, dan saya syukur Alhamdulillah, sekarang ini sambutan penerimaan rakyat baik. Walaupun seperti biasa ada yang menegur atau memberikan cadangan balas, dan kita akan teliti semuanya. Tetapi harus kita mulakan dengan memahami mengapa satu-satu negara yang mampu meneruskan program penyasaran subsidi dengan maksud mengurangkan beban rakyat.
2. Sepertimana yang saudara tahu dan saya telah umumkan harga minyak ketimbang dengan negara ASEAN, malah kita letakkan negara Arab Saudi sebagai tanda aras kerana Arab Saudi itu pengeluar minyak, dan tatkala kita membicarakan soal harga minyak dahulu, harga minyak di Arab Saudi sangat rendah sekitar RM50. Sekarang harga minyak Arab Saudi mencecah hampir RM2.60-RM2.90, jauh lebih tinggi dari Malaysia. Qatar juga jadi pengeluar minyak dan gas yang tertinggi masih menetapkan harga lebih tinggi.
3. Mengapa kita memilih begitu? walaupun kita umumkan dasar penyasaran subsidi. Jawapannya ialah kerana kita mulakan dengan tatakelola yang baik. Dan di sini saya hendak ucap terima kasih kepada Menteri Kewangan Kedua (MKII), Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dan semua rakan-rakan yang menjalankan tanggungjawab yang baik.

4. Kadang-kadang saya memilih untuk mengingatkan kerana orang kadang-kadang bila baca dia fikir apa yang diperolehi dia tidak tahu bahawa tidak semua negara yang mampu melakukannya. Hanya setelah kita melakukan beberapa perubahan dasar, tender yang lebih telus, mengelakkan ketirisan, cuba usaha menghapuskan rasuah, kemudian beberapa kebijaksanaan atau kebijakan ekonomi dengan beberapa prakarsa baru. Dan ini setelah kita lalui dan kita rasa yakin barulah kita perkenalkan.
5. Walaupun cadangan awal ada yang bicarakan kita boleh dapat sehingga 8 bilion – 10 bilion ringgit, tapi kita fikir tidak boleh kita mulakan ikhtiar yang akan menyebabkan pertelingkahan kelompok dan sebagainya. Ataupun yang tidak memberikan kesan dari sudut harga minyak dan harga barang. Jadi setelah memikirkan itu semua, maka kita melakukan anjakan daripada cadangan awal.
6. Cadangan awal, umpamanya melalui PADU dan sebagainya itu akan menimbulkan banyak keresahan. Orang mendapat RM15,000 atau RM13,000 cadangan awal, atau RM18,000. Itu banyak kerenahnya. Ada RM18,000 tapi anaknya enam, dari enam, tiga di universiti. Itu semua bila kita ambil perkiraan menafikan mereka dari subsidi minyak atau penurunan harga minyak. Ini akan menimbulkan keresahan.
7. Jadi, saya telah memikirkan begitu asalkan kita boleh jimatkan belanja subsidi, saya fikir munasabah. Maka sebab itu, dari segi kerangka saya kata pertama pengurusan kerajaan, kewangan kerajaan dan negara. Dan ini tentunya peranan semua, Kementerian

Kewangan, LHDN, Kastam dan semua badan penguatkuasaan yang membantu mengekang ketirisan yang banyak bukan kecil, berbilion ringgit. Dan kalau kita lihat umpamanya cara pengendalian tender, penguatkuasaan, memilih untuk mendapatkan hasil, itu semua menyebabkan pendapatan kita lebih terkawal.

8. Mana-mana negara saya lihat masalah besar ialah ketirisan. Kerana terutama bila ada amalan yang sudah jadi sistemik, macam rasuah. Beberapa kali diserang sesetengah jabatan itu. Beberapa kali ditukar, beberapa kali didakwa, tapi masih ada lagi beberapa kelompok. Jadi semalam dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola bersama SPRM dan badan-badan lain. Kita pun prihatin juga tentang kebimbangan ini, kerana ia memberi gambaran kepada semua penjawat awam, itu tidak benar. Saudara tahu saya pernah jadi Ahli Parlimen di Permatang Pauh, Port Dickson, Tambun dan kerja-kerja di bawah kadang-kadang bila tanya penduduk di bawah itu, jarang kita dengar ada masalah sepertimana kita dengar di peringkat tertentu. Jadi kelompok tertentu di beberapa jabatan atau kementerian itu menjadi punca yang menyebabkan imej kita itu terjejas.
9. Jadi, saya nak ditegaskan tidak adil untuk setengah pihak dia generalize seolah-olah penjawat awam itu tahap yang agak mediocre dan sebagainya. Mereka tidak tahu bahawa kebanyakan yang kita catat pertumbuhan, kita catat pelaburan, kita catat kejayaan-kejayaan, diplomasi itu semua bukan kerja satu dua orang, itu kerja seluruh jentera dan jentera itu jentera penjawat awam.

10. Jadi saya nak jelaskan sekali lagi bahawa kita, Alhamdulillah syukur kerana ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk meningkatkan prestasi penjawat awam dan kelompok kecil yang menjadi barah ini tidak boleh dianggap mewakili kerana kelompok kecil. Tetapi percayalah kita seperti mesyuarat semalam, kita masih bertekad untuk menyerang kelompok ini yang menyebabkan ketirisan dan rasuah, tetapi ini tidak mewakili kelompok yang besar. Buktinya penyasaran subsidi minyak tidak mungkin dilakukan kalau penjawat awam terutama di kementerian kewangan itu tidak berkesan dalam kerja mereka.
11. Jadi sebab itu saya nak ingatkan orang yang mendapat faedah ini juga harus tahu bahawa ini hasil daripada tatakelola yang baik, hasil dari pengorbanan pegawai-pegawai di semua peringkat. Hasil mereka bersama tentunya sektor swasta dan lain-lain profesional tetapi hasil inilah menyebabkan kita berani membuat sesuatu yang unik. Saudara baca, Google atau ChatGPT tanya, mana negara yang menurunkan harga minyak? Tidak ada. Dan dari segi pemikir ekonomi, perencana ekonomi, dia fikir sekarang ini orang berdepan dengan masalah kenaikan kos dan kekangan hasil negara. Jadi tidak boleh turunkan harga yang menyebabkan pendapatan negara itu terjejas, tetapi kita lakukan kerana kita dengar masalah rakyat. Dan kalau kita tidak dengar, ia jadi seperti mana beberapa negara lain mereka menimbulkan huru-hara. Jadi sebab itulah kita laksanakan.
12. Saya minta saudara-saudara jangan cepat gopoh 30 bulan, tunggu 2-3 hari lah. Tidak ditukar, dia RM1.99 itu kekal. Jadi tak payah semua hari- beratur. Ini KSP kena tengok tak ada pegawai Kementerian Kewangan pergi ambil minyak 30 bulan, waktu pejabat (nada

seloroh). Sebab itu kita buat berperingkat, tentera polis esok, kemudian STR. Jadi kita ambil yang pertama, 300 ribu orang kemudian 4-5 juta orang, baru lah kita perkenalkan pada 30 bulan, kerana kita mengalami sedikit masalah masa iSARA. Itu pun orang kata, tak apalah. Ini cadangan baik, ada orang riuh, oh! kena bawa kad pengenalan dulu, kad pengenalan nak kahwin je, sekarang kad pengenalan nak ambil minyak pun kad pengenalan. Apa benda nya. Orang sudah bagi hasil minyak lebih baik. RM2.60 itu pun paling rendah, jangan fikir RM1.99, RM2.60 itu paling rendah di rantau ini. 9 ringgit di Singapura, 4 ringgit di Thailand, di Filipina, saya sudah kongsikan harga minyak di negara-negara lain. RM2.60 itu pun yang terendah di rantau kita, jadi syukur Alhamdulillah, mana hendak ada perfect system. Apa pun dalam sistem dia bagi faedah kepada majoriti besar rakyat.

13. Saya tengok ada ustaz pendakwah kononnya. Dia kata ini zalim, tidak faham rakyat, dia ini marah betul. Apa dia yang beban. Ustaz ini dengan serban, janggut dan sebagainya semua baguslah. Saya pun dengar, oh! dia kata saya pergi dakwah mana-mana 600km minimum setiap bulan, 600. Yang 600 itu kamu bukan derma buat free, orang bayar jadi sebahagian ini kita bayarlah, sebahagian orang lain bayarlah. Dia tak fikir. Sudah ikhtiar, saya bersimpati juga. Menteri Kewangan II (MKII), Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) semua dia orang kerja siang malam, check tengah malam, tengok minta saya pergi check pukul 11 malam dekat petrol kiosk. Saya kata kerja Perdana Menteri nak buat, biar dia orang buatlah. “Ini Dato’ Seri kena pergi sini check, test”. “kerja aku pula test” (nada seloroh). Tapi oleh kerana saya yakin dia, saya kata jalan-jalanlah.

14. Seperti saudara sudah tahu, kelmarin dulu balik daripada Timor-Leste, sampai sini 7.00 malam maghrib, terus salin baju sementara di airport. Kemudian terus pergi majlis Menteri Ekonomi. Itu saya ingat cukuplah, epas itu nak pergi check lagi, tak payahlah. Mudah-mudahan baik, kalau tak baik yang kena marah saya, padahal yang check Datuk Johan Mahmood Merican (PM berseloroh).
15. Baik, maksud dia apa ya? Maksud dia bila kita turunkan, kita kata warganegara, bagaimana kita nak tentukan warganegara? Kena adalah dia punya MyKad, itu sahaja. Cuba faham itu. Kalau kita tidak buat begitu, orang lain dapat. Sebab apa kita tidak mahu warga asing dapat? Sebab dia bukan rakyat kita. Tanggungjawab kita macam keluarga kita, masyarakat kita, negara kita. Dan warga asing dia tidak bayar cukai macam kita.
16. Jadi, oleh itu, kita tidak sama kan. Itu pun warga asing masih mendapat harga yang relatif murah. Warga asing di Malaysia. Ada orang keliru. Warga asing maknanya orang luar negara mai beli minyak, tak betul. Orang luar negara dia RON 97. Warga asing di Malaysia yang daftar kenderaan dalam negara.
17. Jadi ini sedikit kekeliruan, saya nak jelaskanlah. Pertama, mengapa kita perkenalkan? Kerana kita nak pastikan rakyat itu mendapat harga yang murah. Sebenarnya walaupun kita kata RM2.05, sebenarnya RM2.60. Itu sudah subsidi RM2.05. Subsidi lagi RM1.99.

18. Mengapa tidak bagi kepada semua? maknanya tak payah ada kad kalau kita bagi kepada semua. Sebab itu kena ada kad pengenalan. Saya rasa kebanyakan orang boleh faham, tapi sesetengah tu dia menanam kebencian ni, tengok beban, nak turun 6 sen pun kena bawa keluar MyKad semua. Kahwin, takpelah yang kedua, yang ketiga pun kena bawa MyKad. Nasib baik saya Perdana Menteri, saya cakap tenang sikit, kalau dulu balun dah. Baik, jadi itu sesuatu yang kena faham ya. Warga asing ini warga di Malaysia yang ada kenderaan Malaysia, kalau kenderaan luar dia kena bayar harga RON 97.

19. Bagaimana dengan ada kes perahu – minyak atau nelayan? Nelayan, pekebun memang ada elaun khas, satu. Keduanya, kita ada bantuan diesel. Tetapi kalau betul dia guna petrol, semalam sudah dibuka portal di Kementerian Kewangan. Boleh kemukakan rayuan, kita akan bantu yang mana yang munasabah. Katalah dia bukan nelayan tapi dia guna perahu, bot di Sarawak atau di Sabah atau di Kelantan, mana-mana. Dan dia gunakan RON95 dan dia tidak ada lesen kerana perahu tidak pakai lesen. Pakai lesen ke perahu? Tanya KSP tidak tahu punyalah. Perahu ada lesen ke kalau nak bawa? (PM berseloroh) Tak apa lah. Tetapi maknanya, daftar kenderaan pun tidak ada, melainkan perahu dia. Hal-hal itu boleh kita pertimbangkan kerana dia tak ramai, tak banyak. Dan kalau benar dia gunakan RON 95, saya jamin kita akan bantu.

20. Tetapi jangan ikut fi'il yang pembenci-pembenci ini, yang guna ini untuk membatalkan. Yang ini faedah untuk puluhan juta rakyat dan keluarga mereka. Lain lah dibatalkan kerana ada 20 orang penceramah yang nak pergi ke hulu ke hilir yang memerlukan minyak

yang tinggi. Jadi saya harap hal-hal yang sebegitu dapat diselesaikan dengan baik lah ya.

21. Talian khidmat, itu pun Perdana Menteri kena baca ke? Tadi you bagi deraf ni. Disediakan juga kena bacalah kan, KSP kita ni susah payah pada pagi, 5.00 pagi beliau siapkan (PM berseluruh). Disediakan juga talian khidmat 1300-88-9595 untuk sebarang pertanyaan. Saya ulang, 1300-88-9595. Seramai 16.4 juta warganegara dengan lesen memandu sah dimuat naik dalam pangkalan data BUDI MADANI. 16.4 juta itu dengan keluarga. Jadi sebenarnya faedahnya banyak, kalau saudara lihat keseluruhannya.
22. Jabatan Pendaftaran Negara menawarkan perkhidmatan menukar cip MyKad yang rosak secara percuma sehingga 7 Oktober 2025. Jadi saya cadangkan saudara jangan guna dulu, check dulu cip MyKad, perbaiki dulu. Maka start guna 8 Oktober, ataupun check dululah ya.
23. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ini saya tengok, semua jabatan, semua kementerian, saya tengok Menteri-Menteri bagi arahan supaya program ini ataupun pelaksanaannya itu berkesan. Jadi, JPJ melanjutkan waktu operasi kaunter pada hujung minggu, sabtu dan ahad, sepenuhnya bekerja di seluruh negara untuk tempoh sebulan sehingga 26 Oktober 2025. Yang itu disebut, yang Siti Nurhaliza nyanyi “Malaysia MADANI, Rakyat Disantuni”, inilah dia. Kirim salam kat dia (PM berseluruh).

24. Jadi, yang satu saya sebut tadi, yang bukan warganegara Malaysia ada kenderaan berpendaftaran asing. Yang kedua, bot. Genset oh, genset masuk sini ya. Mesin potong rumput. Mesin potong rumput ada pakai RON 95 ya? Itu mungkin yang korporat besar agaknya ya? Ada ke? Mungkin kalau mesin rumput itu guna RON 95, kita masih boleh bantu lagi.
25. Dan 300 liter, ada yang bising. 300 liter sebenarnya dibuat tinjauan sepanjang sebulan, dua bulan yang lalu secara umum puratanya 150, kalau ada di isteri di Seremban, isteri kedua dia, 250. Selalunya orang seperti saya yang bergurau pasal isteri kedua, ini tidak ada tetapi ada yang satu dua yang tidak bergurau itu kita check. Jadi 300 liter itu sebenarnya keputusan kita.
26. Saya nak kongsi dengan rakan-rakan ya, kalau pandangan kita dulu bila dikemukakan, maksima kita katakan 250 kerana yang lebih 250 jumlah sangat kecil. Ini kita guna rekod betul-betul ni ya data tetapi bila di bincang di Jemaah Menteri, saya kata tidak apalah kalau ada 2-3% lepaskanlah dahulu supaya jangan jadi isu. Itu yang dia naikkan 300. 300 itu bagi kita itu dah mencecah lebih daripada apa yang digunakan oleh 98% rakyat Malaysia. 98% itu guna sekitar 200-220 kemudian kita naikkan lagi 250 cadangan Kementerian Kewangan kemudian saya cadangkan lagi di Jemaah Menteri naik lagi 300 supaya jangan jadi masalah. Nak tolong rakyat ini kumpulan kecil, yang 300 tentunya kumpulan kecil itu pun kita cuba tangani.
27. Jadi, nak elak seperti mana masalah yang dihadapi tatkala kita perkenalkan di awal pelaksanaan SARA. Jadi BUDI95, kapasiti server

itu jauh lebih besar, SARA itu sebenarnya direncana untuk kumpulan yang lebih kecil tetapi kita nak naikkan, jadi kita belajar dari pengalaman itu. Jadi SARA umpamanya mampu memproses 3,000 transaksi seminit tapi BUDI95, server dia dapat memproses 10 kali ganda maknanya lebih 30,000 transaksi seminit.

28. Sebab itu saya kata yang penjawat awam ni 30 haribulan, janganlah tunggu 1 Oktober, 2 Oktober, hujung minggu memang dia melonjak naik. Jadi sepertimana yang saya tegaskan tadi 27 September 2025 untuk polis dan tentera itu sekitar 300 ribu orang, 28 September 2025 penerimaan STR itu 5 juta dan 30 September 2025 dilaksanakan sepenuhnya melainkan warga Kementerian Kewangan yang akan menggunakan 2 Oktober 2025 berikutnya.
29. Baik, jadi mudah-mudahan insya-Allah kita elakkan ketirisan dan kita boleh bantu beberapa bilion tambahan untuk pendapatan negara yang boleh kita pindahkan balik kepada rakyat terutama yang miskin untuk bangunan sekolah dan sebagainya.
30. Sebentar lagi saya ke Kota Kinabalu, Sabah lagi untuk menyegerakan beberapa projek pelaksanaan umpamanya satu Maktab Perguruan Kampus Gaya itu musnah keseluruhannya kerana keruntuhan itu sukar dibaiki dan terlalu lambat mengambil masa jadi mungkin kita pindah ke kawasan lain dan kita bangun. Itu tidak ada dalam perancangan awal Kementerian Kewangan. Itu maknanya beberapa penyesuaian harus dibuat.

31. Kalau tanya bahagian belanjawan, dia jawab setuju guna peruntukan sedia ada tetapi saya akan ubah suai sikit lah dua tiga hal. Kemudian, maknanya apa? Apa-apa yang kita boleh hasil bukan untuk bermewah-mewah tetapi untuk memberi kebajikan kepada rakyat.
32. Semalam, di sebelah pagi kita mesyuarat JPA, kita bincang lagi tentang mutu perkhidmatan awam, apa-apa langkah lain kelulusan, peruntukan, tambahan untuk latihan bidang khusus sama ada post-graduate studies atau specialization lain kita nak tambah di kalangan penjawat awam, bagi saya sangat penting.
33. Kita dalam negara sampai ke takat ini kita mahu keupayaan pegawai-pegawai kita sendiri sebagai pakarnya, tidak hanya bergantung kepada perunding yang terlalu banyak. Kita boleh rujuk sedikit-sedikit tetapi tidak perlu menyerahkan tugas, tapi untuk melaksanakan kita telah menyediakan ratusan juta ringgit tambahan sejak tahun lalu untuk memastikan semua jabatan dalam semua kemahiran dan kepakaran baru apatah lagi dalam masa transformasi digital dan AI yang ada sekarang.
34. Dan di samping itu juga membicarakan keperluan-keperluan di Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan – doktor, jururawat itu diberi perhatian secara terperinci. Jadi kalau saudara lihat nampak kesibukkan kita ke sana ke mari, ada masa umpanya sehari, semalam, sepanjang hari kita ada beberapa perjumpaan rapat untuk membincangkan hal-hal kebajikan penjawat awam dan kebajikan rakyat.

35. Mudah-mudahan Allah SWT merestui usaha kita memberkati negara kita dan menjamin supaya negara kita kekal aman, politiknya stabil dan kita dapat mengangkat martabat negara sebagai satu negara yang berjaya dalam semua hal duniawi, ukhrawi untuk mendapat keredhaan Allah SWT.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarkatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/09/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-perjumpaan-warga-kementerian-kewangan-agensi-bersama-yab-dato-seri-anwar-ibrahim-perdana-menteri-dan-menteri-kewangan-3/>